



29 April 2014  
29 April 2014  
P.U. (B) 166

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### NOTIS PENYELESAIAN PENGAMBILALIHAN KAWALAN (KOPERASI KAKITANGAN KERAJAAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN TERENGGANU (KOKANUN) BERHAD)

### *NOTICE OF COMPLETION OF ASSUMPTION OF CONTROL (KOPERASI KAKITANGAN KERAJAAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN TERENGGANU (KOKANUN) BERHAD)*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA KOPERASI 1993

### NOTIS PENYELESAIAN PENGAMBILALIHAN KAWALAN (KOPERASI KAKITANGAN KERAJAAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN TERENGGANU (KOKANUN) BERHAD)

BAHAWASANYA, melalui Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (No. 3) 2010 [P.U. (A) 356/2010] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 20 Oktober 2010, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah melantik Mohd Nasir bin Mohd Nor untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad dan perbadanan berkaitannya, dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya:

DAN BAHAWASANYA, melalui Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (Penggantian) 2013 [P.U. (A) 83/2013] dan Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (Pelantikan Semula) 2013 [P.U. (A) 175/2013] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 5 Mac 2013 dan 11 Jun 2013 masing-masing, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah melantik Haji Mohd Azmy bin Deris untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad dan perbadanan berkaitannya, dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya:

DAN BAHAWASANYA, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mengadakan mesyuarat agung tahunan perwakilan Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad pada 15 Jun 2013 dan dua belas anggota Lembaga telah dilantik dengan sewajarnya pada mesyuarat agung tahunan perwakilan itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Suruhanjaya Koperasi Malaysia memberikan notis di bawah subseksyen 69D(4) Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*] bahawa pengambilalihan kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad dan perbadanan berkaitannya yang dibuat di bawah subseksyen 69(2) Akta telah diselesaikan pada 15 Jun 2013, dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia menyerahkan semua harta, urusan, aktiviti dan hal